

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 08.08.2025 MASA: 11.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN DURIAN
*OUTREACH***

TARIKH / MASA / TEMPAT

**9 OGOS 2025 (SABTU)
12.00 TENGAH HARI**

**RAIN TREE FARM
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Tengahari, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada tengahari yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Penutupan Durian Outreach**, yang berlangsung dalam suasana yang cukup harmoni dan penuh makna di Rain Tree Farm ini.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, atas kesudian Yang Amat Berhormat meluangkan masa hadir serta merasmikan program ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat amat kami hargai dan menyerlahkan iltizam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mendukung pembangunan sektor agro-pelancongan dan pengukuhan ekonomi komuniti luar bandar di Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, setulus penghargaan saya ucapkan kepada semua hadirin yang hadir pada hari ini; khususnya kepada rakan-rakan strategik penganjuran program ini iaitu, Pejabat Pertanian Negeri Pulau Pinang, FAMA Pulau Pinang, pihak Rain Tree Farm, agensi-

agensi kerajaan serta warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus lumus menjayakan pengajuran program ini. Komitmen dan kerjasama semua pihak amat membanggakan dan wajar diberikan setinggi-tinggi pujian.

4. Program Durian *Outreach* 2025 ini merupakan komitmen bersama MBSP dan rakan strategik dalam membina ekosistem pembelajaran komuniti berdasarkan agro-pelancongan, khususnya dalam penanaman durian sebagai komoditi bernilai tinggi. Program ini menyediakan platform *upskilling* kepada pengusaha tani dan merangsang penyertaan masyarakat dalam menghargai potensi durian sebagai pemacu ekonomi setempat dan warisan pertanian negara.
5. Program ini tidak sekadar menjadi platform penyebaran ilmu, bahkan lebih jauh daripada itu, ia membuka ruang kepada perkongsian kepakaran, pemerkasaan ekonomi komuniti dan pendedahan kepada *standard* pematuhan antarabangsa bagi produk-produk pertanian kita. *Talk show* yang mengetengahkan aspek penggredan, pelabelan dan pengeksportan durian ke Hong Kong dan China, misalnya, merupakan satu bentuk pendidikan langsung yang sangat praktikal kepada para pemain industri.

6. Di samping itu, pengisian seperti demonstrasi masakan berasaskan durian, pameran agensi, jualan produk MADANI, jualan pokok, pertandingan mewarna kanak-kanak dan *petting zoo* telah menjadikan program ini lebih menyeluruh, menggabungkan elemen pendidikan, hiburan dan kekeluargaan dalam suasana yang mesra komuniti.
7. Pemilihan lokasi Rain Tree Farm ini pula amat bertepatan, mengambil kira latar persekitaran yang cukup ideal sebagai destinasi agro-pelancongan. Ini secara tidak langsung menyokong matlamat Penang2030 untuk membangunkan negeri ini secara holistik, merangkumi aspek kemampunan, keterangkuman sosial serta pertumbuhan ekonomi berdasarkan potensi setempat.
8. Saya percaya, penganjuran seperti ini mampu memupuk kesedaran masyarakat terhadap potensi durian sebagai komoditi bernilai tinggi, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan sektor agro-makanan negara. Tambahan pula, kita kini berada di fasa ketiga musim durian di Pulau Pinang, suatu tempoh yang sangat sesuai untuk mengadakan program seperti ini agar impaknya lebih besar dan terus dirasai komuniti.
9. Justeru, besar harapan saya agar program ini dapat diteruskan secara berkala, mungkin dengan perluasan skala atau pembabitan lebih

banyak pihak, supaya manfaatnya dapat disebarluaskan bukan hanya kepada para petani, tetapi juga kepada generasi muda, pelajar dan golongan wanita sebagai pewaris serta penggerak baharu dalam landskap pertanian moden.

10. MBSP akan terus menyokong inisiatif-inisiatif seperti ini yang memacu pembangunan sektor agro-makanan dan pelancongan luar bandar secara lestari. Insya-Allah, kita akan terus memperkuuh sinergi bersama pelbagai pihak demi memastikan setiap program yang dilaksanakan benar-benar memberi nilai tambah kepada komuniti setempat.
11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang serta semua pihak yang telah menjayakan penganjuran Durian *Outreach* 2025. Mudah-mudahan inisiatif murni ini terus diberkati dan dapat diteruskan sebagai acara tahunan yang bukan sahaja dinanti-nantikan, malah mampu menjadi ikon baharu agro-pelancongan di Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***